

B5491

PARLIMEN-RASUAH

1982

KUALA LUMPUR, 12 OKT. (BERNAMA) -- BADAN PENCEGAH RASUAH (BPR) SEDANG MENYIASAT 1,913 KES RASUAH DALAM TEMPOH SEMBILAN BULAN PERTAMA TAHUN INI, BERTAMBAH 428 KES BERBANDING DENGAN KESELURUHAN TEMPOH TAHUN LALU, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KEGALAHAN-KESALAHAN YANG DISIASAT ITU IALAH DI BAWAH ORDINAN NO. 2 (KUASA-KUASA PERLU) OHAKURAT, 1770; KANUN KESIKSAAN; AKTA POLIS 1967 DAN AKTA KASTAM 1967.

PERDANA MENTERI BERKATA SETELAH PERTUKARAN NAMANYA DARIPADA BIRO SIASATAN NEGARA KEPADA BPR, BADAN INI TELAH PUN DAPAT MENJALANKAN TUGAS-TUGASNYA DENGAN LEBIH BERKESAN LAGI.

BELIAU MENJAWAB PERTANYAAN-PERTANYAAN ENCIK LEE LAM THYE (DAP-KUALA LUMPUR BANDAR), DAN DR. TAN SENG GIAM (DAP-KEPONG) SEMASA SOALJAWAB DI DEWAN BAKYAT YANG INGIN TAHU KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI OLEH BPR SETAKAT INI DALAM MEMBENTERAS KEJADIAN RASUAH.